




BADAN BUDAYA DBP

mempersembahkan

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN



**P E R E M P U A N
S E O R A N G
L E F T E N A N
I N G G E R I S**

karya dan arahan

ZAKARIA ARIFFIN



BADAN BUDAYA DBP
mempersembahkan



PEREMPUAN SEORANG LEFTENAN INGGERIS

karya dan arahan
ZAKARIA ARIFFIN

25, 26, 27, 28 April 1995 • 8:30 malam
Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tiket: RM15, RM10, RM7

Anjuran bersama
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA dan
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
sempena PERAYAAN HARI WILAYAH
PERSEKUTUAN KE-21, 1995

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN



KATA-KATA ALUAN

TAHNIAH dan syabas kepada Badan Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka kerana berjaya mementaskan drama *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris* ini, sebagai salah satu acara sempena Perayaan Hari Wilayah Persekutuan ke-21, 1995.

Bagi pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, saya berasa sukacita kerana dapat bekerjasama dalam aktiviti seperti ini, memperlihatkan sikap prihatin kami terhadap usaha-usaha ke arah pengembangan dan pemantapan budaya bangsa. Ini selaras dengan hasrat dan matlamat DBKL sendiri yang tidak sekadar menumpukan perhatian ke arah pembangunan fizikal Bandaraya semata-mata, tetapi juga menyumbang kepada soal-soal pengisian jiwa dan minda warganya. Keseimbangan ini perlu bagi memastikan kesinambungan warisan dan kemajuan budaya, di kalangan warga kota yang sedang bangkit berlumba-lumba dalam pengisian Wawasan 2020.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersedia untuk bekerjasama lagi dalam kegiatan seumpama ini pada masa-masa yang akan datang dengan cita-cita untuk menyajikan hidangan rohani yang menarik dan bermutu seperti persembahan Badan Budaya DBP ini, buat santapan warga kota dan para pelancong seluruhnya.

Terima kasih dan salam hormat.

(DATO' HAJI MOHD. NOORDIN ABD. RAZAK)

Ketua Pengarah,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,
merangkap Pengerusi,
Sambutan Perayaan Hari Wilayah Persekutuan Ke - 21, 1995



KATA-KATA ALUAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA berasa bangga kerana berpeluang menganjurkan satu kegiatan kebudayaan seperti pementasan drama *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris* ini. Kegiatan seperti ini bukan sahaja memperlihatkan keinginan agensi ini untuk turut membentuk arah perkembangan kebudayaan yang sihat dan bermutu, malah memancarkan juga hasrat Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyokong usaha-usaha ke arah mempertingkatkan mutu kesenian dan persuratan kita secara tidak langsung.

Saya percaya, kegiatan teater pada umumnya adalah selari dengan kegiatan kesusasteraan kerana ia melibatkan penulisan naskhah lakon atau skrip. Perkembangan tidak ketara seperti ini turut memberikan sumbangan kepada khazanah kesusasteraan kita, meskipun dari segi jumlahnya penerbitan buku-buku drama masih tidak sebanyak buku-buku bidang yang lain. Bagaimanapun, melalui kegiatan teater seperti ini, kami berharap lebih banyak lagi skrip-skrip drama yang bermutu akan dihasilkan dan diterbitkan supaya dapat disebarkan kepada khalayak yang lebih luas.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang turut sama menganjurkan pementasan ini dan kepada Badan Budaya DBP atas daya usaha mereka menjayakan program ini. Semoga kegiatan yang berfaedah seperti ini akan diadakan lagi dari semasa ke semasa.

(HAJI A. AZIZ DERAMAN)

Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka




DARI PENERBIT

DALAM usaha membangunkan sesebuah negara, soal pembangunan bangsa sama sekali tidak boleh dikesampingkan; bangsa berbudaya dan bermartabat tinggi. Hal ini pastinya melibatkan pembentukan minda manusia dan penyemaian nilai-nilai murni ke arah menyuburkan rohani ummah. Justeru itu, soal pengisian jiwa haruslah diberikan keutamaan dalam apa keadaan sekalipun.

Kegiatan seni teater misalnya mempunyai kekuatan yang jelas dalam hubungan ini. Peranannya, sejak ia dikenali sebagai ritual lagi memang bermatlamat ke arah tersebut. Kesan positif di antara ruang-ruang yang diberikan oleh seni teater dapat dilihat sebagai penawar yang mujarab untuk mengisi jiwa yang kosong dan lemah. Kegiatan ini juga dapat dijadikan semacam benteng untuk membanteras unsur-unsur budaya yang tidak sihat.

Badan Budaya DBP insya-Allah akan terus aktif sebagai sebuah kumpulan teater yang cuba mengangkat mutu budaya bangsa ke tahap tertinggi. Sehubungan dengan itu, saya merakamkan ucapan tahniah kepada semua pelakon dan tenaga produksi yang telah memberikan seluruh komitmen mereka dalam menjayakan pementasan *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris* ini.


AYOB YAMIN

CATATAN PENULIS SKRIP/ PENGARAH

PENTAS OPERA (1989) adalah drama saya yang memberikan banyak ruang dan kemungkinan-kemungkinan untuk dikembangkan. Wataknya yang banyak dengan pelbagai perwatakan, peristiwa yang berwarna, latar yang luas dan persoalan-persoalan yang berencan mendedahkannya kepada penyesuaian dan penciptaan sebuah skrip yang lain. *Raja Lawak* (1992) membuktikan ini, apabila saya memindahkan watak Osman Bombay ke latar kini dengan situasi dan persoalan semasa di sekitar dunia lawak dan kesenimanannya. Untuk *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris* ini pula, saya mengeluarkan watak Khatijah dan Juliah – dua watak yang tidak begitu penting dalam *Pentas Opera* – ke satu latar lain dalam ruang waktu yang sama, menjadikannya satu lagi *spin-off*. Ini melengkapkan trilogi saya tentang dunia seni dan seniman: pemain bangsawan, pelawak dan penyanyi kabaret. Terserahlah kepada khalayak untuk menilai dan mentafsir. Sementara itu, saya masih melihat beberapa kemungkinan lain pada *Pentas Opera* ...



BIODATA

ZAKARIA ARIFFIN bergiat dalam teater secara serius sejak menuntut di USM, meskipun sebagai penulis sudah menghasilkan skrip drama pada tahun 1973. Mulai 1978 aktif bersama Badan Budaya DBP sebagai pelakon, pengarah dan penerbit. Hingga kini telah mengarahkan 11 buah drama, termasuk tiga karyanya sendiri: "Penunggu Pusaka", "Pentas Opera" dan "Raja Lawak". Tiga buah drama arahnya pernah dipentaskan di luar negara iaitu di Brunei Darussalam, Manila dan London. Sementara karyanya, "Raja Lawak" pernah dipentaskan oleh sebuah kumpulan di Singapura. Dalam bidang penulisan, Zakaria menulis puisi, cerpen, buku cerita kanak-kanak, esei dan kritikan, di samping drama pentas dan drama televisyen. Sehingga kini telah menghasilkan enam buah buku sebagai penyelenggara/penyelenggara bersama dan 4 buah buku karya sendiri. "Pentas Opera" (1989) adalah drama beliau yang memenangi tempat kedua Hadiah Drama ESSO-GAPENA II (1988/1989) dan Hadiah Sastera Malaysia (1988/1989). Drama televisyennya, "Pemain Wayang" memenangi Anugerah Seri Angkasa 1989 untuk kategori skrip drama TV terbaik. Tahun lalu (1994) beliau memenangi hadiah Video Dokumentari Terbaik dalam Festival Seni Video Kebangsaan anjuran Balai Seni Lukis Negara, dengan karya dan arahnya: "Selampit".

SINOPSIS


PEREMPUAN SEORANG LEFTENAN INGGERIS

KUALA LUMPUR, Ogos 1945. Selepas lebih tiga tahun Inggeris berundur dari Tanah Melayu, Khatijah masih mengenang dan memuja-muja Leftenan Harrison – pegawai tentera British yang pernah menjadi kekasihnya. Sambil berbaik-baik dengan Leftenan Yajima, seorang pegawai tentera Jepun yang romantis tetapi tegas dengan pendiriannya, Khatijah masih mengharapkan British akan kembali untuk membebaskan Tanah Melayu daripada pendudukan Jepun. Sementara itu, dia juga berkasih dengan Ahmad Bakhtiar – seorang penulis dan anggota KMM yang sedang ghairah untuk membantu perjuangan ke arah pembentukan dan kemerdekaan Indonesia Raya. Khatijah terjebak dalam situasi ini – antara bayang-bayang impian dan realiti yang dihadapi. Sementara lagi, dia turut berdepan dengan soal survivalnya sendiri. Sebagai bekas anak wayang (Bangsawan) yang tidak dapat lagi meneruskan profesion itu, Khatijah terpaksa berbuat apa sahaja untuk meneruskan hidup di zaman serba susah, mencabar dan mencakar ini. Khatijah adalah potret seorang perempuan seribu wajah

SYNOPSIS

THE ENGLISH LIEUTENANT'S WOMAN

Kuala Lumpur, August 1945. More than three years after the British withdrew from the Malay Peninsula, Khatijah could still recall and admire Lieutenant Harrison – a British army officer who was formerly her lover. Eventhough she maintained good relationship with Lieutenant Yajima, a Japanese army officer who was a romantic but firm man, Khatijah longed for the British to return to free Malaya from the Japanese grips. In the meantime she was also in love with Ahmad Bakhtiar – a writer and a member of KMM who was helping in the struggle towards the formation and independence of Indonesia Raya. Khatijah was trapped in this situation – between dreams and reality that confronted her. On top of that she had to face the question of her own survival. As a former Bangsawan performer who could no longer practise her profession, Khatijah had to do about just everything to survive during these hard, challenging and bad times. Khatijah is a portrait of a woman with a thousand faces




Leftenan Harrison di Pentas Opera (1989)

PARA PELAKON




TIARA JACQUELINE
Khatijah @ Miss Tijah



HANI MOHSIN
Ahmad Bakhtiar




A. JALIL HAMID
Leftenan Yajima




SABRI YUNUS
Osman Bombay




KHATIJAH TAN
Juliah




RASDI DAUD
Boon Tat



MOHD. ALI OSMAN
Ah Peng



BOHARI IBRAHIM
Rashid




SHAARI SHAFIE
Tanaka

PARA PELAKON

PEREMPUAN SEORANG LEFTENAN INGGERIS



ABD. AZIZ MAHMUD
Sarjan Jepun



WAN AHMAD WAN DAUD
Askar Jepun



MOHD. FADEL
Askar Jepun



ARIS OTHMAN
Askar Jepun




SHARLINDA BAHARUDDIN
Penari Kabaret



MOHD. PAWI ABD. RAZAK
Pengunjung Kabaret



JULFEKAR AHMAD SHAH
Pemain Muzik



MOHD. LAZIM ARIFF
Pengunjung Kabaret




A. GHAFFAR BAHARI
Pengayuh Beca



JUNALIZA MOHD JOHARI
Penari Kabaret



AFENDI RAMLI
Pemain Muzik



M. ZAHARI M. ZAKI
Pemain Muzik



VINCENTE T. SALEF III
Pemain Muzik

TENAGA PRODUKSI

Penerbit	:	AYOB YAMIN
Pengarah	:	ZAKARIA ARIFFIN
Pengurus Produksi	:	FADZIL AGUSSALLIM
Pengurus Pentas/Peralatan	:	A. MURAD HJ. AHMIN
Penata Cahaya/Audio	:	A. WAHAB HAMZAH
Pengurus Teknik	:	RAZAK RAHMAD
Pengurus Kostum	:	A. BAKAR BUYONG
Pengurus Muzik	:	JULFEKAR AHMAD SHAH
Penata Rias	:	AZMI JEFFRI
	:	A. GHAFAR BAHARI
Pem. Pengurus Kostum	:	NORAFIDAH HANUM RAMU
Pem. Penata Rias	:	SITI HAZLINDA MOHD. ZULKIFLI
Pem. Pentas	:	MOHD. LAZIM ARIFF
	:	ASMADI AHMAD

AHLI JAWATANKUASA INDUK PEMENTASAN

Penaung	:	Tuan Haji A. Aziz Deraman
Penasihat	:	Sdr. Anwar Ridhwan
Pengerusi	:	Sdr. Ayob Yamin
Setiausaha	:	Sdr. Zakaria Ariffin
Ahli	:	Sdr. Hamzah Hamdani
	:	Sdr. Fadzil Agussallim
	:	Sdr. A. Wahab Hamzah
	:	Sdr. A. Rahman Rahim
	:	Sdr. Ismail Karmun
	:	Sdr. Rohani Ghazali

AHLI JAWATANKUASA KECIL

Urus Setia	:	Fadzil Agussallim Mohd. Taib Nordin Azman Khamis Muhamad Ujang Saodah Hj. Wahid Adam Hamid
Publisiti	:	A. Wahab Hamzah A. Murad Hj. Ahmin
Tiket	:	Fadzil Agussallim Rohani Ghazali Malik Abdullah
Jemputan/Sambutan	:	Ismail Karmun Salawati Ismail Alinawati Zemberi Intan Zahriah Daud Badrul Hisham Mohd. Isa Zunafisha 'Ilwa Mohd. Nafis
Reka Bentuk	:	A. Ghafar Bahari Jamaluddin Abdullah
Terjemahan	:	Hajah Ainon Abu Bakar
Tempat Latihan	:	Noh Ahmad Asmadi Ahmad Salleh Husin Ali Husin Angah Ludin Ahmad Ridhwan Latiff Nordin Othman
Pengangkutan	:	Zubir Mohamad Abd. Razak Abd. Malik Kamarulzaman Mohd. Noor Moseman Makjeroon

BADAN
BUDAYA
DEWAN
BAHASA
DAN
PUSTAKA

Sejak pertama kali mementaskan drama "Tamu di Bukit Kenny" karya Usman Awang, arahan Baha Zain pada tahun 1967, Badan Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka telah berjaya mengetengahkan 37 buah drama pentas, hasil kreativiti beberapa orang aktivis teater. Antara mereka yang dapat disebut ialah Ismail Dahaman, Othman Hj. Zainuddin, Dinsman, Johan Jaaffar, Zakaria Ariffin dan Anwar Ridhwan. Sementara beberapa pelakon berbakat berjaya dicungkil dan dilatih dan kini menjadi artis terkenal tanah air, seperti Imuda, Sabri Yunus, Shahrizan Ahmad (Abon) dan Mohamed Ali Osman.


Kegiatan Badan Budaya DBP yang berterusan selama hampir 30 tahun ini bukan sahaja digerakkan oleh minat dan bakat yang ada pada kakitangan-kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka, malah mendapat sokongan yang kuat daripada para pegawai atasan dan Ketua Pengarahnya sendiri. Kerana itu, tidak hairanlah kumpulan ini dapat bertahan dan terus bergiat, meskipun di bawah nama yang berlainan, sambil mengekalkan imej sebagai salah sebuah kumpulan yang selalunya menghasilkan drama-drama yang bermutu.

Sepanjang kegiatannya, kumpulan ini bukan sahaja telah mementaskan drama di Kuala Lumpur dan di beberapa buah bandar di Semenanjung, tetapi juga di Sabah, Sarawak, Brunei Darussalam, Singapura dan turut membawa mereka ke Manila dan London. Kekukuhan organisasinya dan mutu pementasan kumpulan ini sering sahaja mendapat pujian dan pengiktirafan daripada beberapa pihak. Badan Budaya DBP pernah dua kali mewakili Malaysia dalam Pesta Kesenian Kuala Lumpur (1985 dan 1986) dan juga mewakili Malaysia dalam "Drama Festival" di Singapura pada tahun 1986. Pada tahun 1988, sekali lagi kumpulan ini mendapat penghormatan apabila terpilih mewakili negara dalam "First Asean Theatre Festival" di Manila dan dalam "Malaysia Fest" 1988 dan 1989. Pada September 1992, Badan Budaya DBP berpeluang mementaskan "Matinya Seorang Pahlawan" di SOAS, Universiti London, sempena "Minggu Sastera Malaysia di London".


Tradisi mementaskan drama-drama yang bermutu oleh Badan Budaya DBP akan diteruskan dari semasa ke semasa, selaras dengan hasrat Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri yang ingin bersama-sama mengembangkan seni dan budaya Melayu, di samping tanggungjawabnya membina dan mengembangkan bahasa serta kesusasteraan kebangsaan.

Pementasan Lalu
oleh
Badan Budaya
DBP


1. "Tamu di Bukit Kenny" (1967); karya Usman Awang, arahan Baharuddin Zainal.
2. Dramatari "Sinar Pagi" (1968); karya Usman Awang.
3. "Serunai Malam" (1968); karya Usman Awang.
4. "Sinarama Serirama" (1970); karya dan arahan Ismail Dahaman.
5. "Pegawai Khalwat" (1971); karya Kala Dewata, arahan Mohammad Merak.
6. "Monyet" (1972); karya Shahnun Ahmad, arahan Othman Hj. Zainuddin.
7. "Jebat" (1972); karya Usman Awang, arahan Othman Hj. Zainuddin.
8. "Degup Jantungnya" (1972); karya Usman Awang.
9. "Mendung" (1973); karya dan arahan Othman Hj. Zainuddin.
10. "Ikan-ikan di Kaca" (1973) karya dan arahan Mishar.
11. "Bukan Bunuh Diri" (1975); karya dan arahan Dinsman.
12. "Nasib di Tanganmu Takdir di Tangan-Mu" (1975); karya dan arahan Ismail Dahaman.
13. "Intan" (1976); karya Abdullah Hussain, arahan Dinsman.
14. "Di Pulau Sadandi" (1976); karya dan arahan Dinsman.
15. "Selanggi Zaman" (1977); karya dan arahan Ismail Dahaman.
16. "Mayat" (1979); karya Hattia Azad Khan, arahan Johan Jaaffar.
17. "Syajar" (1980); karya Ismail Kassan, arahan Zakaria Ariffin.
18. Taridra "Jong Batu" (1981); karya dan arahan Othman Hj. Zainuddin.
19. "Titah Tuanku" (1981); karya dan arahan Othman Hj. Zainuddin.
20. "Pelayaran Inderaputera II" (1982); karya Ismail Kassan, arahan Zakaria Ariffin.
21. "Hari-hari Terakhir Seorang Seniman" (1984/85); karya Johan Jaaffar (adaptasi daripada novel karya Anwar Ridhwan), arahan Johan Jaaffar.
22. "Mahkamah Keadilan" (1986); karya Taufik Al-Hakim, arahan A. Ghani Abdullah.
23. "Zaman Gerhana" (1986); karya Othman Hj. Zainuddin (adaptasi daripada novel karya A. Samad Ahmad), arahan Othman Hj. Zainuddin.
24. "Salina" (1986); karya Johan Jaaffar (adaptasi daripada novel karya A. Samad Said), arahan Johan Jaaffar.
25. "Remang di Lorong Tua" (1987); karya Othman Hj. Zainuddin, arahan Sabri Yunus.
26. "Melati Sarawak" (1987); karya Othman Hj. Zainuddin (adaptasi daripada novel karya Muhammad Rakawi Yusoff) arahan Othman Hj. Zainuddin.
27. Lakon Tari "Bharatayudha II" (1987); karya Othman Hj. Zainuddin (adaptasi daripada Hikayat Pandawa Lima), arahan Othman Hj. Zainuddin, koreografi oleh Mahmud Hj. Ibrahim.
28. "Kelongsong" (1987); karya Kemala, arahan Salmiah Ismail.
29. "Tuk Selampit" (1988); karya Anuar Nor Arai, arahan Zakaria Ariffin.
30. "Rumah Kedai di Jalan Seladang" (1989); karya Johan Jaaffar (adaptasi daripada cerpen karya A. Samad Ismail), arahan Johan Jaaffar.
31. "Pentas Opera" (1989); karya dan arahan Zakaria Ariffin.
32. "Opera Siti Zubaidah" (1990); karya adaptasi/arahan Othman Hj. Zainuddin.
33. "Penghuni Paya" (1991); karya Wole Soyinka terjemahan Shamsudin Jaafar, arahan Anwar Ridhwan.
34. "Mitos" (1992); karya Othman Hj. Zainuddin, arahan Zakaria Ariffin.
35. "Raja Lawak" (1992/93); karya dan arahan Zakaria Ariffin.
36. "Matinya Seorang Pahlawan" (1992); karya Usman Awang, arahan Zakaria Ariffin.
37. "Teman" (1993) karya Kobo Abe, terjemahan Zakaria Ariffin, arahan bersama Zakaria Ariffin dan A. Wahab Hamzah.



Hari-hari Terakhir Seorang Seniman (1984/85)




Pentas Opera (1989)



Salina (1986)

Raja Lawak (1992/93)



SEKADAR CATATAN

"Johan's tenacity is matched with the commitment of Dewan Bahasa dan Pustaka to accord generous moral and financial support to their theatre company called Badan Budaya. Such an anchor has yielded continuity of creative leadership, performance skills, and inspired dramatic choices in the Badan Budaya repertory of the late 1980s. It has also yielded Rumah Kedai di Jalan Seladang, one of the best events of Malaysia Fest '89".

– UTIH, New Sunday Times, October, 1, 1989.

"Opera Siti Zubaidah was my introduction to major Malay theatre. I was impressed and not one aspect of it was foreign. Credit where credit is due."

– Joe Hasham, Sunday Star, October 4, 1990.

"So far the most successful comic mode for the contemporary Malay stage has been formulated by Zakaria Ariffin's Raja Lawak ... What pushes Raja Lawak far ahead of the pack of the 90s Matic comedies is its good dramatic sense ...".


– UTIH, The New Sunday Times, October 17, 1993.

"What I like most about the play, besides the intelligently sensitive treatment of the characters, was that it did not give any easy answers. The title may lead one to expect a laugh-a-minute comedy, but Raja Lawak is much more than that. It's sad, funny and beautiful all at once ...".

– Amir Muhammad, The New Straits Times, July 30, 1992.

DI SEKITAR LATIHAN

PEREMPUAN SEORANG LEFTENAN INGGERIS





SEKALUNG BUDI

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
MUZIUM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
POLIS DIRAJA MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN
AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)
SISTEM TELEVISYEN (M) BHD. (TV3)
PANGGUNG NEGARA
PARA DERMAWAN
PARA PENONTON

dan sesiapa sahaja yang telah memberikan sumbangan baik secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pementasan drama *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris* ini